

HEXIDERM CREAM

Chlorhexidine hydrochloride/tolnaftate (0.1%w/w / 1%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hexiderm
2. Bagaimana Hexiderm berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hexiderm
4. Cara menggunakan Hexiderm
5. Semasa menggunakan Hexiderm
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hexiderm
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Hexiderm

Ia digunakan untuk disinfeksi kulit dan rawatan jangkitan kulit pada kulit kaki (kaki atlet), lipatan paha, lengan, kaki dan tangan.

Bagaimana Hexiderm berfungsi

Ia mengandungi tolnaftate yang digunakan untuk rawatan jangkitan kulit oleh kulat, dan chlorhexidine yang membunuh bakteria.

Sebelum menggunakan Hexiderm

- Bila tidak boleh menggunakan
Hexiderm mengandungi chlorhexidine. Beritahu pegawai kesihatan jika anda ada alahan terhadap chlorhexidine.
- Sebelum mula menggunakan
Elakkan penggunaan pada mata.
- Jika mengambil ubat-ubat lain
Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang menggunakan ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Hexiderm

- Berapa banyak harus digunakan
Dewasa dan kanak-kanak - sapu pada kulit.
- Bila perlu digunakan
Sapu dua kali sehari, atau ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.
- Berapa lama perlu diguna
Perlu ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.
- Jika terlupa menggunakan
Guna sebaik sahaja teringat. Selepas itu, gunakan semula mengikut jadual biasa anda.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)
Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan Hexiderm

- Perkara yang perlu dilakukan
Hentikan penggunaan produk ini dan minta bantuan perubatan segera jika anda mengalami ruam, kegatalan, bengkak, kesukaran bernafas, pening atau denyutan jantung cepat.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti mengguna ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.
- Perkara yang perlu diberi perhatian
Jikalau hamil atau menyusukan anak, beritahu doktor atau ahli farmasi. Keselamatan penggunaan ubat ini semasa kehamilan dan menyusukan anak belum dipastikan lagi.

Kesan-kesan sampingan

Tindak balas kulit seperti iritasi dan kegatalan mungkin berlaku. Keradangan kulit akibat sentuhan dengan Hexiderm pernah dilaporkan. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Hexiderm

- Penyimpanan
Simpan di tempat yang kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.
- Pelupusan
Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Krim berwarna putih.
- Bahan-bahan kandungan
 - Bahan aktif: tolnaftate dan chlorhexidine hydrochloride.
 - Bahan tidak aktif: white soft paraffin, liquid paraffin, cetomacrogol emulsifying wax dan air.

- Nombor MAL:
MAL19930279X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
23/09/2020

Nombor Siri

NPRA(R4/1)221118/00349